

07 AUG 1996
Downer-Mahathir
MENTERI LUAR AUSTRALIA JUMPA PM

KUALA LUMPUR, 7 Ogos (Bernama) -- Menteri Luar Australia Alexander Downer hari ini mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan membincangkan antara lain hubungan yang semakin meningkat antara Australia dan Malaysia.

"Kami banyak berbincang mengenai perkara kepentingan bersama, hubungan dua hala dan bagaimana ianya semakin meningkat serta peluang perdagangan Australia di Malaysia," kata Downer kepada pemberita selepas pertemuan selama 20 minit itu.

Beliau berkata pertemuan itu "untuk berjumpa dan membentuk hubungan peribadi yang amat penting dalam hubungan dua hala."

Katanya perbincangan mereka juga menyentuh peranan Australia di rantau ini terutama dalam konteks persidangan ekonomi Asia Pasifik dan sidang kemuncak Forum Kerjasama Asia Pasifik di Manila November ini.

Downer tiba di sini pagi ini untuk memulakan lawatan empat hari ke Malaysia.

Downer berkata beliau memberitahu Dr Mahathir bahawa Australia berharap bukan sahaja untuk mengembangkan eksport pertanian tradisional dan komoditi perlombongannya tetapi juga dalam bidang lain.

"Dr Mahathir menegaskan bahawa beliau amat teratik dengan industri binaan dan teknologi Australia yang dibawa masuk ke Malaysia."

Downer berkata mereka juga membincangkan isu-isu hubungan pelbagai hala.

Ditanya sama ada mereka menyentuh cadangan Malaysia mengenai Perundingan Ekonomi Asia Timur, beliau berkata perkara itu tidak dibangkitkan.

Downer akan menemui rakan sejawatannya Datuk Abdullah Ahmad Badawi petang ini.

Beliau juga dijadual mengunjungi Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Pertahanan Datuk Syed Hamid Albar dan Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamed.

Downer juga akan melawat Pulau Pinang. -- BERNAMA
MAM RON